

16/04/1997

Penang-Net rancang tarik ramai pelabur IKS

Ridzuan Yop

GEORGETOWN, Selasa - Pulau Pinang akan menjadikan rangkaian sistem Penang-Net untuk menarik lebih banyak Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk melabur di negeri ini dan menjadi industri sokongan kepada syarikat multinasional (MNC).

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata pembangunan rangkaian Penang-Net dalam era teknologi digital global ketika ini akan menyediakan pelbagai maklumat berkaitan industri IKS.

Menurutnya, kerajaan negeri membangunkan Penang-Net bertujuan membolehkan syarikat tempatan dan MNC dapat bekerjasama melaksanakan operasi di negeri ini dengan kemampuan mencapai maklumat dengan lebih pantas.

"Sehubungan itu, Penang-Net diwujudkan bagi memastikan sektor industri Pulau Pinang dapat terus bersaing di rantau ini," katanya pada Seminar Pelaburan Domestik: Cabaran dan Peluang Dalam Pelan Induk Perindustrian 11, di sini hari ini.

Seminar itu yang dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Seri Rafidah Aziz, disertai lebih 500 peserta mewakili sektor kerajaan dan swasta.

Di majlis itu juga Rafidah, Dr Koh dan peserta seminar menyertai dialog terbuka dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai MSC melalui sidang video.

Satu sesi dialog disertai Rafidah, Dr Koh, Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Ahmad Nor Mohktar Haniff dan Pengerusi Persekutuan Pekilang Malaysia (Cawangan Utara), Lee Ow Kim, turut diadakan.

Dalam sesi dialog lebih sejam itu, pelbagai perkara dibincangkan termasuk isu pengambilan pekerja asing, bentuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan insentif pelaburan yang wujud.

Dr Koh berkata, Pulau Pinang memulakan sektor industrinya pada awal 70-an dan 80-an dengan membabitkan banyak pelaburan asing, khususnya dalam sektor elektronik dan produk elektrik.

Bagaimanapun, katanya, peluang pelaburan tempatan kemudiannya dipertingkatkan khususnya dalam bidang produk plastik, pembungkusan dan logam.

Menurutnya, dalam tahun 90-an, pelaburan tempatan semakin meningkat dalam kawasan perindustrian di negeri ini. Pada 1993, sebanyak 31 syarikat diluluskan untuk beroperasi di Zon Perindustrian PDC.

"Daripada jumlah itu, 22 syarikat adalah pelabur tempatan dengan jumlah pelaburan RM80.39 juta atau kira-kira 20 peratus daripada jumlah tahunan pelaburan negeri," katanya.

Beliau berkata, pada 1995 pelaburan tempatan terus meningkat, membabitkan 58 syarikat tempatan daripada 73 syarikat yang melabur di negeri ini.

(END)